



12 OCT, 2021

Platform MOSP dijangka siap suku pertama 2022



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Platform MOSP dijangka siap suku pertama 2022

KUALA LUMPUR: Projek perintis pembangunan Malaysian Open Science Platform (MOSP) dijangka siap pada suku pertama 2022, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata MOSP yang dibangunkan Akademi Sains Malaysia (ASM) merupakan sebuah platform digital perkongsian data penyelidikan di peringkat institut pengajian tinggi (IPT) yang menghubungkan penyelidik tempatan dan antarabangsa untuk berkongsi data pendidikan secara langsung melalui platform itu.

“ASM juga sedang beker-

jasama dengan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Negara di bawah Kementerian Pendidikan melalui pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran STEM menggunakan pendekatan pedagogi pendidikan sains berdasarkan inkuriri kepada guru-guru STEM.

“Dalam perkara ini, guru-guru berperanan menggalakkan murid meneroka subjek STEM secara kreatif untuk meningkatkan sifat ingin tahu yang mendalam,” katanya dalam sesi soal jawab pada persidangan Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab soalan

Senator Jaziri Alkaf Abdillah Suffian yang ingin tahu mengenai perancangan dan usaha yang akan dilakukan dalam teknologi pendidikan agar seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) serta pembelajaran abad ke-21.

Dr Adham berkata Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) turut menggalakkan lebih banyak inovasi tempatan berkaitan pendidikan.

“Ini termasuk melalui National Technology and Innovation Sandbox atau NTIS yang merupakan salah satu

sektor sasaran yang sejahtera dengan pemacu sosioekonomi negara di bawah Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE).

“Sebagai contoh hasil inovasi syarikat tempatan kita seperti laman sesawang Pandai dan Pendidikan Awal Anak2u dan SOLS 24/7 (Science of Life Studies 24/7). Selain itu, CRADLE Fund juga melaksanakan program coaching kepada pelbagai syarikat ‘startup’ teknologi dan telah membiayai 11 syarikat startup teknologi yang menjalankan perniagaan berteraskan pendidikan,” katanya. — Bernama



12 OCT, 2021

Platform MOSP dijangka siap suku pertama 2022

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Projek perintis pembangunan Malaysian Open Science Platform (MOSP) dijangka siap pada suku pertama 2022, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba. Beliau berkata MOSP yang dibangunkan Akademi Sains Malaysia (ASM) merupakan sebuah platform digital perkongsian data penyelidikan di peringkat institut pengajian tinggi (IPT) yang menghubungkan penyelidik tempatan dan antarabangsa untuk berkongsi data pend i d i k a n secara langsung melalui platform itu.